

# **GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PENDEKATAN ISLAM HADHARI DI AGENSI-AGENSI KERAJAAN**

---

## **1. TUJUAN**

Garis Panduan ini bertujuan untuk memberi penjelasan kepada ketua-ketua agensi mengenai Pendekatan Islam Hadhari, iaitu dari segi konsep, struktur dan pelan tindakan bagi melaksanakannya dalam Perkhidmatan Awam. Pelaksanaan Pendekatan Islam Hadhari diharap akan dapat mewujudkan sebuah masyarakat Malaysia yang maju berdasarkan perspektif ketamadunan Islam yang telah terbukti mampu membawa kepada kegemilangan.

## **2. LATAR BELAKANG**

2.1 Kerajaan Malaysia telah memperkenalkan Islam Hadhari sebagai suatu pendekatan untuk membangun ummah dan Negara berdasarkan perspektif ketamadunan Islam. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 31 Mac 2004 meminta supaya agensi-agensi Kerajaan mempromosikan Pendekatan Islam Hadhari yang progresif melalui pembaharuan dan penambahbaikan. Pada 17 Oktober 2004 Jemaah Menteri telah melantik Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebagai agensi penyelaras bagi melaksanakan Pendekatan Islam Hadhari.

2.2 Pendekatan Islam Hadhari diperkenalkan berdasarkan kepada beberapa rasional iaitu;

### **(a) Islam Sebagai Agama Persekutuan**

Perlembagaan Malaysia Fasal 3(1) menyebut bahawa “*Ugama Islam adalah ugama Persekutuan; tetapi ugama-ugama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan*”. Realitinya negara-negara luar melihat Malaysia sebagai sebuah negara Islam contoh dalam bidang pentadbiran, ekonomi, pendidikan, teknologi, sosio-budaya dan kestabilan politik. Walaupun Malaysia merupakan negara

berbilang agama dan kaum, namun agenda pembangunan ummah dapat dijayakan secara harmoni hingga dapat membawa kemakmuran kepada rakyat dan Negara.

**(b) Kesinambungan Kepada Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam**

Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam (DPNI) telah diperkenalkan oleh Kerajaan pada tahun 1985. Pada tahun 2001 Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 2001 Mengenai Garis Panduan Mengadakan Ceramah Penerapan Nilai-Nilai Islam Dalam Perkhidmatan Awam telah dikeluarkan. Setelah dua dekad DPNI diperkenalkan, banyak hasil dan manfaat yang telah dapat dilihat dan dinikmati bersama, khususnya dalam budaya kerja, malah secara amnya telah turut diamalkan oleh sektor swasta. DPNI juga telah dapat melahirkan sistem ekonomi berteraskan prinsip Syariah, serta kemajuan dalam sistem pendidikan Islam di Malaysia.

Pada tahun 2004 Pendekatan Islam Hadhari pula diperkenalkan. Pendekatan ini merupakan tambahnilai kepada DPNI kerana konsep pendekatannya yang lebih komprehensif dan menyeluruh berdasarkan peradaban. Pendekatan Islam Hadhari memberi penekanan kepada usaha mempertingkatkan mutu kehidupan melalui penguasaan ilmu, pembangunan modal insan dan pembangunan fizikal yang merupakan teras pembinaan sesebuah tamadun.

**(c) Pendekatan Islam Hadhari Sebagai Pemacu Wawasan 2020**

Wawasan 2020 yang diumumkan pada tahun 1991 mengandungi aspirasi Negara Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju menurut acuan sendiri serta berupaya menangani cabaran-cabaran yang bakal dihadapi. Pendekatan Islam Hadhari adalah selari dengan Wawasan 2020, serta menjadi pemungkin dan pemacu kepada kejayaan wawasan tersebut. Matlamat Pendekatan Islam Hadhari adalah untuk mencapai kemajuan secara menyeluruh dengan harapan menjelang tahun 2020 akan wujud sebuah negara Malaysia yang maju dan membangun melalui acuan ketamadunan Islam.

#### **(d) Menjadikan Islam Sebagai Penyelesaian Cabaran Semasa**

Dunia dan kehidupan manusia sentiasa mengalami perubahan disebabkan oleh proses perubahan masa dan tahap pencapaian tamadun. Proses perubahan tersebut berlaku dengan pantas membawa cabaran dan permasalahan-permasalahan yang baru. Untuk menghadapi cabaran ini, ajaran Islam perlu dijadikan pemangkin bagi menghadapi realiti kehidupan semasa. Antaranya ialah bersikap fleksibel dalam berijtihad bagi perkara-perkara yang boleh diijtihadkan, dengan keyakinan bahawa ajaran Islam mampu menyelesaikan permasalahan ummah dalam sebarang situasi. Jika para ulama dan pemimpin Islam zaman dahulu telah mampu menyelesaikan permasalahan yang berlaku pada zaman mereka, maka ulama pada masa kini juga sewajarnya berupaya menyelesaikan isu-isu ummah yang berlaku pada masa kini secara berkesan.

#### **(e) Merealisasikan Islam Sebagai Agama Yang Dapat Memberi Rahmat Kepada Alam Sejagat**

Dalam konteks Malaysia yang rakyatnya terdiri daripada berbilang kaum dan agama, kepimpinan negara telah meletakkan ketamadunan Islam sebagai agenda bagi mengurus pembangunan Negara. Pendekatan Islam Hadhari akan memberi manfaat kolektif yang dapat dinikmati secara harmoni kepada seluruh rakyat. Ini kerana keharmonian ajaran Islam itu adalah meliputi seluruh umat tanpa mengira bangsa dan kepercayaan.

- 2.3 Tumpuan awal pelaksanaan Pendekatan Islam Hadhari adalah untuk memberi pendedahan dan kefahaman mengenai konsep-konsep umum Pendekatan Islam Hadhari kepada seluruh lapisan masyarakat. Tugas ini telah dipertanggungjawabkan kepada lapan agensi pelaksana, dengan sasaran masing-masing. Agensi-agensi tersebut adalah seperti berikut:

<b>BIL.</b>	<b>AGENSI</b>	<b>SASARAN</b>
1.	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)	Kakitangan kerajaan dan masyarakat awam
2.	Pejabat Penasihat Agama kepada YAB Perdana Menteri	Sektor swasta
3.	Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA)	Pertubuhan politik
4.	Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM)	Guru dan pelajar
5.	Jabatan Pengajian Tinggi (JPT)	Institusi pengajian tinggi awam dan swasta
6.	Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT)	Warga Angkatan Tentera Malaysia
7.	Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)	Masyarakat bukan Islam
8.	Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM)	Pertubuhan bukan kerajaan (NGO)

### **3. PENDEKATAN ISLAM HADHARI**

#### **3.1 Konsep Pendekatan Islam Hadhari**

Pendekatan Islam Hadhari adalah untuk membuktikan keupayaan Malaysia sebagai sebuah negara Islam contoh yang sentiasa mengamalkan prinsip kesederhanaan (*wasatiyah*), sesuai dengan tuntutan agama Islam. Ia selaras dengan dasar-dasar negara yang dilaksanakan masa kini dan yang akan dicapai pada masa hadapan seperti Wawasan 2020, Dasar Pembangunan Negara dan sebagainya. Pendekatan Islam Hadhari menekankan nilai-nilai pembangunan sejagat yang

sama sekali tidak bercanggah dengan konteks masyarakat majmuk.

Definisi, visi, misi dan objektif Pendekatan Islam Hadhari adalah seperti berikut ;

### **Definisi**

Suatu pendekatan pembangunan manusia, masyarakat dan negara Malaysia yang bersifat menyeluruh, berdasarkan kepada perspektif tamadun Islam.

### **Visi**

Untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah Negara Islam Contoh, iaitu sebuah negara maju mengikut acuan sendiri.

### **Misi**

Melaksanakan agenda pembangunan negara dan ummah berlandaskan pendekatan Islam yang universal, maju, bertamadun, bertoleransi dan berimbang.

### **Objektif**

Bagi melahirkan individu dan masyarakat yang mempunyai kekuatan rohani (spiritual), akhlak, intelektual, material, mampu berdikari, berdaya saing, melihat ke hadapan, inovatif serta cekap menangani cabaran-cabaran semasa secara bijaksana, rasional, praktikal dan damai.

## **3.2 Prinsip-prinsip Pendekatan Islam Hadhari**

Prinsip-prinsip Pendekatan Islam Hadhari adalah seperti berikut;

### **(a) Prinsip 1 : Keimanan dan Ketaqwaan Kepada Allah SWT**

Prinsip keimanan dan ketaqwaan kepada Allah SWT merupakan teras kepada Pendekatan Islam Hadhari. Umat Islam hendaklah mengamal serta menunjukkan kemurnian ajaran Islam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah. Prinsip ini

bertujuan membentuk sebuah negara yang rakyatnya mempunyai akhlak luhur. Prinsip ini ingin memastikan kemantapan akidah umat Islam direalisasikan dalam bentuk amalan-amalan yang bersifat produktif dan mampu membawa kepada kemajuan diri, masyarakat dan negara.

Ciri dan nilai yang ingin dibangunkan;

- Keimanan yang mantap
- Ketaqwaan yang menyeluruh
- Pegangan agama Islam yang teguh
- Pengamalan kolektif nilai-nilai murni
- Masyarakat yang beragama selaras dengan prinsip pertama Rukunegara

### **(b) Prinsip 2 : Kerajaan Adil dan Beramanah**

Adil ialah memberi hak kepada yang berhak. Pelaksanaan keadilan tidak melihat kepada keturunan, warna kulit, bangsa dan kedudukan, miskin ataupun kaya, atau perbezaan agama. Amanah pula bermaksud menunaikan segala tanggungjawab dan kewajipan yang diberikan. Pendekatan Islam Hadhari meletakkan amalan tadbir urus (*good governance*) dan adil serta amanah kepada semua lapisan rakyat. Pengurusan Negara yang cekap, adil, amanah dapat melahirkan negara yang maju dan makmur.

Ciri dan nilai yang ingin dibangunkan ;

- Pentadbiran yang adil bagi semua rakyat
- Tadbir urus yang berkesan, telus, amanah, ikhlas, tekun dan bertanggungjawab
- Kebajikan rakyat terpelihara
- Berjimat cermat mengelak pembaziran

### **(c ) Prinsip 3 : Rakyat Berjiwa Merdeka**

Antara faktor kejayaan sesuatu bangsa ialah sejauhmana minda, sikap dan budaya masyarakat tersebut terikat dengan pemikiran dan amalan negatif, tanpa berusaha melakukan sesuatu anjakan paradigma. Setiap rakyat perlu bersedia untuk berubah dan memerdekaakan pemikiran serta budaya yang positif dan melihat ke hadapan.

Masyarakat yang berjiwa merdeka adalah masyarakat yang kreatif dan inovatif serta dapat melahirkan idea-idea bermanfaat untuk membangun diri dan masyarakat. Namun pada masa yang sama setiap anggota masyarakat masih terikat dengan peraturan-peraturan dan undang-undang serta etika yang luhur. Kesan penjajahan yang membekukan semangat, pemikiran dan budaya perlu dipulihkan dengan semangat jati diri. Semangat berjiwa merdeka sangat diperlukan bagi mengangkat martabat harga diri dalam menghadapi sebarang situasi. Rakyat perlu konsisten dalam menghadapi apa jua cabaran dari dalam dan luar, serta tidak taksub dengan budaya dan tradisi lama yang bertentangan dengan nilai-nilai tamadun yang luhur.

Ciri dan nilai yang ingin dibangunkan;

- Semangat jati diri
- Berfikiran terbuka
- Tidak terbelenggu kesan penjajah
- Kreatif dan inovatif
- Mampu bersaing
- Berdaya maju
- Berdikari
- Berusaha menerima perubahan
- Tidak taksub dengan budaya lama yang melemahkan

### **(d) Prinsip 4 : Penguasaan Ilmu Pengetahuan**

Ilmu merupakan asas untuk mencapai kemajuan. Bangsa-bangsa yang berjaya dan maju adalah mereka yang menguasai ilmu. Pendekatan Islam Hadhari menyeru rakyat Malaysia supaya menjadi umat peneroka ilmu dalam pelbagai bidang. Tujuan penguasaan ilmu adalah bagi mewujudkan umat yang bertamadun. Rakyat Malaysia perlu menjadi umat peneroka

ilmu, umat yang mampu berdikari, serta berupaya menangani cabaran semasa dalam kehidupan. Dalam menghadapi cabaran globalisasi, faktor ilmu bersepada, kemajuan sains dan teknologi sewajarnya menjadi fokus bagi melahirkan sumber tenaga manusia yang bukan sahaja mempunyai ilmu dan ketrampilan tetapi juga memiliki nilai-nilai murni yang sifatnya menyumbang terhadap pembangunan negara, bangsa dan manusia sejagat.

Melalui sistem pendidikan dwipengkhususan yang saling melengkapi antara penguasaan ilmu fardhu ain dan ilmu fardhu kifayah kita boleh melahirkan pakar-pakar dalam pelbagai bidang seperti Ibnu Sina, Al-Khawarizmi dan Ibnu Khaldun.

Ciri dan nilai yang ingin dibangunkan;

- Umat yang cintakan ilmu
- Menjadi bangsa peneroka ilmu
- Mendalami ilmu fardhu ain (bagi umat Islam)
- Menguasai semua bidang ilmu fardhu kifayah
- Meninggalkan ilmu-ilmu negatif yang boleh merosakkan akidah
- Membina masyarakat melalui pendekatan ilmu
- Memantapkan integrasi ilmu melalui program dwipengkhususan

#### **(e) Prinsip 5 : Pembangunan Ekonomi Seimbang dan Komprehensif**

Membangun kekuatan ekonomi merupakan suatu tuntutan fardhu kifayah, serta memenuhi konsep jihad dalam bidang tersebut. Pembangunan ekonomi seimbang dan komprehensif memberikan satu pendekatan yang menggabungkan kepada usaha memantapkan amalan ekonomi yang berakhlik dengan kemampuan melaksanakan aktiviti ekonomi secara berkesan sesuai dengan perkembangan ekonomi di dalam negara dan di peringkat global. Pendekatan Islam Hadhari menekankan pembangunan ekonomi yang seimbang dan menyeluruh dalam masyarakat. Kerjasama yang baik antara agensi Kerajaan dengan sektor swasta sangat diperlukan bagi menjana pertumbuhan ekonomi yang lebih mapan, serta memberi keutamaan kepada ekonomi yang berkait dengan keperluan asasi rakyat.

Ciri dan nilai yang ingin dibangunkan;

- Umat yang mengambil berat tuntutan fardhu kifayah dalam bidang ekonomi
- Umat yang maju dalam bidang ekonomi
- Negara yang maju dan berkat
- Mengelak pembaziran dalam aktiviti ekonomi
- Mengutamakan golongan kurang berkemampuan
- Negara membangun berdasarkan ekonomi yang halal
- Keseimbangan ekonomi antara bandar dengan luar bandar
- Kerjasama kondusif antara sektor awam dengan swasta
- Memberi keutamaan kepada ekonomi yang berkait dengan keperluan asasi rakyat
- Mengelak penindasan dalam aktiviti ekonomi

#### **(f) Prinsip 6 : Kehidupan Berkualiti**

Pendekatan Islam Hadhari menekankan aspek kualiti hidup secara kolektif. Kita hendaklah menjadi umat yang berkualiti dari aspek pemikiran, tingkahlaku dan cara hidup. Umat yang berkualiti mampu melahirkan idea-idea yang positif serta membentuk masyarakat yang sejahtera. Kehidupan berkualiti akan dicapai melalui kejayaan negara memenuhi keperluan asas kehidupan seperti meningkatkan kualiti penghayatan kehidupan beragama, kemampuan memajukan taraf pendidikan, menghayati kehidupan yang aman damai, peluang dan hak memiliki harta, serta jaminan kepada generasi masa hadapan yang cemerlang.

Ciri dan nilai yang ingin dibangunkan;

- Menjadikan ibadah khusus sebagai asas kehidupan berkualiti
- Tempat tinggal yang selesa
- Persekutuan yang selamat
- Kehidupan yang sihat
- Keluarga yang harmoni
- Pemakanan yang berkualiti
- Masyarakat yang penyayang

- Prasarana yang lengkap dan sempurna
- Memberi perhatian kepada golongan kurang upaya

### **(g) Prinsip 7 : Pembelaan Hak Kumpulan Minoriti dan Wanita**

Islam melindungi hak dan kebajikan semua peringkat masyarakat khususnya kaum wanita. Kedudukan kaum wanita adalah sangat mulia. Peranan mereka amat penting dalam pembangunan keluarga, masyarakat dan negara. Kedudukan mereka akan terus dimartabatkan berdasarkan hak dan peranan yang bersesuaian. Pendekatan Islam Hadhari juga ingin memastikan supaya tidak wujud pengabaian dari segi kebajikan serta hak kumpulan minoriti dalam masyarakat, tanpa mengira bangsa ataupun suku kaum untuk menjadi anggota masyarakat yang bahagia dan berjaya.

Ciri dan nilai yang ingin dibangunkan;

- Memberi perhatian kepada kumpulan etnik dan golongan minoriti
- Memberi keadilan dan hak yang sewajarnya kepada kaum wanita
- Memberi perhatian kepada ibu tunggal

### **(h) Prinsip 8 : Keutuhan Budaya dan Moral**

Dalam usaha meningkatkan kemajuan Negara Malaysia, kepelbagaian budaya dan moral perlu dipertahankan berasaskan sistem nilai dan akhlak yang kukuh, murni dan luhur. Penghayatan nilai-nilai akhlak yang mutlak dan tinggi akan menjamin kesejahteraan dan keharmonian dalam masyarakat. Dengan demikian, kemajuan ekonomi dan teknologi akan berkembang seiring dengan keluhuran budaya dan ketinggian akhlak masyarakat berbilang kaum. Cabaran-cabaran semasa berkaitan dengan kepincangan moral hendaklah diatasi secara bersepada dan bijaksana oleh setiap anggota masyarakat.

Ciri dan nilai yang ingin dibangunkan;

- Memperteguh dan memelihara budaya berdasarkan nilai-nilai murni dan prinsip Rukunegara.

- Membangun moral masyarakat berteraskan ajaran Agama
- Menangani secara berkesan budaya yang negatif

### **(i) Prinsip 9 : Pemuliharaan Alam Semulajadi**

Pendekatan Islam Hadhari menekankan kesedaran tentang tanggungjawab dan kepentingan hubungan antara manusia dengan alam. Alam semulajadi atau alam tabi'e merupakan pinjaman daripada Allah SWT untuk keperluan manusia dan makhluk-makhluk lain. Justeru alam tabi'e perlu dimakmurkan secara bijaksana untuk kesejahteraan sejagat secara berterusan. Pendekatan Islam Hadhari menekankan aspek pemuliharaan alam semulajadi untuk kehidupan kini dan generasi akan datang melalui pengurusan sumber alam yang seimbang dan terancang.

Ciri dan nilai yang ingin dibangunkan;

- Kesedaran dan tanggungjawab manusia sebagai khalifah
- Pemuliharaan alam semulajadi yang berkesan
- Pembangunan sumber alam untuk perkara kebaikan
- Mengelak pembaziran sumber alam
- Mengkal keindahan alam
- Memelihara sumber air dan udara yang berkualiti
- Melindungi habitat kehidupan flora dan fauna

### **(j) Prinsip 10 : Kekuatan Pertahanan**

Islam mengambil berat aspek keselamatan dan pertahanan Negara. Pendekatan Islam Hadhari menekankan supaya negara memiliki kekuatan pertahanan terbaik dan disegani serta mampu berdikari dalam urusan penyediaan alat dan teknologi pertahanan. Di samping itu Pendekatan Islam Hadhari memberi penekanan kepada usaha untuk membangunkan teknologi pertahanan yang sesuai dengan keperluan semasa dan cabaran masa hadapan. Keselamatan sistem maklumat dan kerahsiaan negara perlu dipertingkatkan. Pendekatan Islam Hadhari berusaha menerapkan semangat patriotik dan cintakan negara di kalangan rakyat bagi mewujudkan sebuah negara yang aman damai dan berdaulat.

Ciri dan nilai yang ingin dibangunkan;

- Membina ketahanan rohani dan jasmani melalui modal insan
- Menyemarakkan semangat patriotik dan cintakan negara
- Memiliki sistem pertahanan terbaik dan disegani
- Meningkatkan sistem maklumat dan kerahsiaan negara
- Membangun kekuatan pertahanan berasaskan teknologi

#### **4. STRUKTUR PELAKSANAAN**

Struktur pelaksanaan Pendekatan Islam Hadhari adalah seperti berikut. Carta struktur ditunjukkan dalam **Lampiran A**.

##### **4.1 Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI)**

Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam ditubuhkan oleh Majlis Raja-Raja pada tahun 1968. MKI adalah sebuah majlis yang terpenting kerana ianya menjalankan tugas penyelarasan mengenai urusan agama di Peringkat Kebangsaan.

Pengerusi dan keahlian MKI adalah seperti berikut;

Pengerusi : YAB Perdana Menteri

Keahlian :

- (i) Menteri-Menteri Besar/Ketua-Ketua Menteri
- (ii) Tokoh-tokoh profesional yang dilantik

Urusetia : JAKIM

Kekerapan mesyuarat : 2 kali setahun

MKI sekaligus berperanan sebagai jawatankuasa induk bagi pelaksanaan Pendekatan Islam Hadhari. Perkara ini telah dipersetujui dalam Mesyuarat MKI Kali Ke-45 pada 8 Februari 2005. Laporan pelaksanaan Pendekatan Islam Hadhari hendaklah dijadikan salah satu agenda tetap dalam mesyuarat tersebut.

## **4.2 Jawatankuasa Penyelarasan Pelaksanaan Pendekatan Islam Hadhari Peringkat Kebangsaan**

Pengerusi : Menteri Di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab mengenai urusan agama Islam.

- Keahlian :
- (i) Penasihat Agama Kepada YAB Perdana Menteri
  - (ii) Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian
  - (iii) Setiausaha Persekutuan Sabah
  - (iv) Setiausaha Persekutuan Sarawak
  - (v) Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri
  - (vi) Ketua Pengarah JASA
  - (vii) Ketua Pengarah IKIM
  - (viii) Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan (Pendidikan Islam dan Moral) (JAPIM)
  - (ix) Pengarah KAGAT
  - (x) Pengarah JPT
  - (xi) Yang Di Pertua YADIM

Setiausaha : Ketua Pengarah JAKIM

Urusetia : JAKIM

Bidang tugas :

- (i) Menyelaras dan memantau pelaksanaan Pendekatan Islam Hadhari peringkat kementerian/negeri
- (ii) Mengesahkan draf Perancangan Strategik 5 Tahun Pendekatan Islam Hadhari (generik)
- (iii) Mengesahkan laporan kemajuan pelaksanaan Pendekatan Islam Hadhari untuk diangkat kepada Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MKI)

Kekerapan mesyuarat : 2 kali setahun

#### **4.3 Jawatankuasa Kerja Penyelarasan Pelaksanaan Pendekatan Islam Hadhari Antara Agensi**

Pengerusi : Ketua Pengarah  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Keahlian :

- (i) Wakil Kementerian-Kementerian
- (ii) Wakil Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah
- (iii) Wakil Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak
- (iv) Wakil Kerajaan-Kerajaan Negeri
- (v) Wakil JASA
- (vii) Wakil IKIM
- (viii) Wakil JAPIM
- (ix) Wakil KAGAT
- (x) Wakil JPT
- (xi) Wakil YADIM

Setiausaha : Pengarah Bahagian Dakwah JAKIM

Urusetia : Bahagian Dakwah JAKIM

Bidang tugas :

- (i) Menyediakan draf Perancangan Strategik 5 Tahun Pendekatan Islam Hadhari (generik)
- (ii) Menganalisa laporan-laporan kemajuan pelaksanaan Pendekatan Islam Hadhari
- (iii) Memastikan segala dasar yang telah diputuskan oleh Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) dan Jawatankuasa Penyelarasan Pelaksanaan Pendekatan Islam Hadhari Peringkat Kebangsaan dilaksanakan sepenuhnya
- (iv) Memberi input kekesanan pelaksanaan modul dan kurikulum mengenai 10 Prinsip Pendekatan Islam Hadhari bagi tujuan mengemaskini dari semasa ke semasa.

Kekerapan mesyuarat : 2 kali setahun

#### **4.4 Jawatankuasa Penyelarasan Pelaksanaan Pendekatan Islam Hadhari Peringkat Kementerian**

Pengerusi : Ketua Setiausaha Kementerian/  
Timbalan Ketua Setiausaha Kanan bagi  
Jabatan Perdana Menteri

Keahlian :

Ketua-ketua Jabatan/agensi di bawah  
kementerian berkenaan

Setiausaha : Pengarah Pentadbiran/Dasar

Urusetia : Bahagian Pentadbiran/Dasar

Bidang tugas :

- (i) Menyedia perancangan strategik Pendekatan Islam Hadhari peringkat kementerian
- (ii) Menyelaras dan memantau pelaksanaan Pendekatan Islam Hadhari peringkat kementerian/agensi
- (iii) Menyedia laporan kemajuan pelaksanaan Pendekatan Islam Hadhari peringkat kementerian
- (iv) Melaksanakan modul dan kurikulum Pendekatan Islam Hadhari.

Kekerapan mesyuarat : 2 kali setahun

#### **4.5 Jawatankuasa Penyelarasan Pelaksanaan Pendekatan Islam Hadhari Peringkat Negeri**

Pengerusi : YAB Menteri Besar/YAB Ketua Menteri

Timbalan : Setiausaha Kerajaan Negeri

Keahlian :

- (i) Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab mengenai urusan agama Islam
- (ii) Ketua-ketua agensi peringkat negeri
- (iii) Pegawai-pegawai daerah
- (iv) Ketua-ketua agensi Pihak Berkuasa Tempatan

Setiausaha :

Yang Di Pertua/Pengarah/Pesuruhjaya  
Majlis/Jabatan Agama Islam Negeri

Urusetia : Majlis/Jabatan Agama Islam Negeri

Bidang tugas :

- (i) Menyedia perancangan strategik Pendekatan Islam Hadhari peringkat negeri
- (ii) Memastikan pelaksanaan Perancangan Pendekatan Islam Hadhari dilaksanakan dengan jayanya
- (iii) Menyelaras dan memantau pelaksanaan Pendekatan Islam Hadhari peringkat negeri
- (iv) Menyedia laporan kemajuan pelaksanaan Pendekatan Islam Hadhari peringkat negeri kepada JAKIM.

Kekerapan mesyuarat : 2 kali setahun

## 5. PELAN TINDAKAN PENDEKATAN ISLAM HADHARI

### 5.1 Peranan Kementerian/Negeri

Kementerian/negeri dikehendaki menubuhkan mekanisme, merancang, melaksana, menyelaras serta memantau pelaksanaan Pendekatan Islam Hadhari di peringkat kementerian/negeri masing-masing. Carta Tindakan adalah seperti di **Lampiran B1**.

#### 5.1.1 *Menubuhkan Jawatankuasa Pelaksanaan Islam Hadhari Peringkat Kementerian/Negeri*

Semua kementerian/negeri dikehendaki menubuhkan Jawatankuasa Pelaksanaan Pendekatan Islam Hadhari di peringkat kementerian/negeri.

#### 5.1.2 *Menyediakan Perancangan*

Semua kementerian/negeri dikehendaki menyediakan Perancangan Strategik 5 Tahun Pendekatan Islam Hadhari bagi Kementerian/Negeri masing-masing. Contoh format Perancangan Strategik adalah seperti di **Lampiran C**.

Penyediaan perancangan strategik hendaklah berdasarkan dokumen **Perancangan Strategik 5 Tahun Pendekatan Islam Hadhari (Generik)** yang telah disediakan oleh JAKIM dan diakuterima oleh Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam Malaysia. Dokumen tersebut boleh diperolehi daripada JAKIM.

#### 5.1.3 *Melaksana dan Menyelaras*

- (a) Semua kementerian/negeri diminta memastikan pelaksanaan dan penyelarasan program-program yang terkandung dalam Perancangan Strategik 5 Tahun Pendekatan Islam Hadhari yang telah disediakan di peringkat kementerian/negeri masing-masing.
- (b) Semua kementerian/negeri diminta melaksanakan program penjelasan mengenai Pendekatan Islam

Hadhari. Pelaksanaan program penjelasan Pendekatan Islam Hadhari dibuat dalam bentuk kursus, bengkel dan seminar. Butiran lanjut diperincikan dalam **Lampiran D**.

#### *5.1.4 Memantau dan Menyedia Laporan*

Kementerian/negeri diminta memantau kemajuan pelaksanaan Pendekatan Islam Hadhari di peringkat kementerian/negeri masing-masing. Semua jawatankuasa pelaksanaan Pendekatan Islam Hadhari peringkat kementerian/negeri hendaklah mengadakan mesyuarat masing-masing pada setiap enam bulan. **Laporan kemajuan pelaksanaan Pendekatan Islam Hadhari peringkat kementerian/negeri hendaklah dikemukakan kepada JAKIM pada setiap bulan Jun dan Disember.** Format dan contoh-contoh laporan maklumbalas pelaksanaan adalah seperti di **Lampiran E1** dan **Lampiran E2**.

### **5.2 Peranan Jabatan/agensi-agensi di bawah Kementerian/Negeri**

Jabatan/agensi-agensi di bawah kementerian/negeri juga perlu melaksanakan pelan tindakan di peringkat jabatan/agensi masing-masing sepetimana tahap-tahap tindakan yang dinyatakan pada para 5.1.1, 5.1.2, 5.1.3 dan 5.1.4, dengan melakukan penyesuaian. Walau bagaimanapun laporan maklumbalas kemajuan pelaksanaan perlu dihantar kepada pihak kementerian/negeri masing-masing. Carta Tindakan adalah sama seperti di **Lampiran B2**.

### **5.3 Peranan JAKIM**

#### *5.3.1 Penyelaras*

- (a) Menyelaras Pelaksanaan Pendekatan Islam Hadhari peringkat Kementerian/Negeri
- (b) Menilai tahap pencapaian Pelaksanaan Pendekatan Islam Hadhari peringkat Kementerian/ Negeri serta

melapor kepada Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia.

### 5.3.2 Pelaksanaan kursus

- (a) Menyedia dan mengemaskini modul kursus berkaitan 10 Prinsip Pendekatan Islam Hadhari.

Modul-modul dan kurikulum bagi kursus berkaitan 10 Prinsip Pendekatan Islam Hadhari disediakan oleh JAKIM untuk melatih penceramah/fasilitator.

- (b) Melantik dan melatih penceramah/fasilitator

Semua penceramah/fasilitator yang terlibat dengan penjelasan mengenai 10 prinsip Islam Hadhari adalah mereka yang telah dilantik secara khusus oleh JAKIM atau Pihak Berkuasa Agama di Negeri-negeri. Pelantikan penceramah/fasilitator Pendekatan Islam Hadhari di peringkat Negeri hendaklah mengikut peraturan dan prosedur sedia ada yang diamalkan oleh Pihak Berkuasa Agama di negeri masing-masing.

Penceramah/fasilitator adalah terdiri daripada kalangan ahli-ahli profesional iaitu ahli-ahli akademik, pegawai-pegawai Kerajaan dan juga individu yang berpengetahuan dan berpengalaman untuk menghurai dan memberi khidmat nasihat mengenai ketamadunan Islam dalam bidang-bidang berkaitan dengan 10 Prinsip Pendekatan Islam Hadhari.

JAKIM bertanggungjawab melatih semua penceramah/fasilitator yang dilantik di peringkat Persekutuan dan negeri.

## **6. KOS PELAKSANAAN**

Kementerian/negeri hendaklah menyediakan peruntukan kewangan yang diperlukan untuk membiayai program-program berkaitan pelaksanaan Pendekatan Islam Hadhari mengikut prosedur kewangan sedia ada.

## **7. KHIDMAT NASIHAT**

Sebarang kemosykilan berkaitan dengan Pekeliling dan Garis Panduan ini hendaklah dirujuk kepada;


Urusetia Induk Pendekatan Islam Hadhari Peringkat Kebangsaan,  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia,  
Aras 7, Blok D7, Parcel D,  
Pejabat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62502 PUTRAJAYA.  
Tel : 03-8886 4030  
Faks : 03-8889 2041  
Laman Web: [www.islam.gov.my](http://www.islam.gov.my)  
e-mail : hadhari@islam.gov.my

## **8. PENUTUP**

Garis Panduan Pelaksanaan Pendekatan Islam Hadhari Di Agensi-Agenzi Kerajaan ini menjadi panduan kepada semua ketua agensi di peringkat Persekutuan dan negeri untuk melaksanakan Pendekatan Islam Hadhari di peringkat kementerian/negeri masing-masing. Agensi-agensi Kerajaan berperanan penting dalam menjayakan pelaksanaan Pendekatan Islam Hadhari ke arah pembangunan minda masyarakat menjadikan ajaran agama sebagai pemangkin kepada kemajuan ummah dan negara.


## LAMPIRAN A

### STRUKTUR PELAKSANAAN PENDEKATAN ISLAM HADHARI




## LAMPIRAN B1

### CARTA TINDAKAN PELAKSANAAN PENDEKATAN ISLAM HADHARI PERINGKAT KEMENTERIAN/NEGERI



## LAMPIRAN B2

### CARTA TINDAKAN PELAKSANAAN PENDEKATAN ISLAM HADHARI PERINGKAT JABATAN/AGENSI



**LAMPIRAN C**

**FORMAT PERANCANGAN STRATEGIK 5 TAHUN  
PENDEKATAN ISLAM HADHARI**

Nama Agensi :.....

PRINSIP NO. 9 : PEMULIHARAAN ALAM SEMULAJADI				
DASAR (DASAR SEDIA ADA MENGIKUT SEKTORIAL)	ISU DAN PERSOALAN (ISU DAN PERSOALAN YANG BERHUBUNG PRINSIP ISLAM HADHARI)	STRATEGI <b>(PELAN BERTINDAK BAGI MENANGANI ISU DAN PERSOALAN BERDASARKAN PENDEKATAN ISLAM HADHARI)</b>	PROGRAM & AKTIVITI (PROGRAM YANG DICADANGKAN)	PELAKSANA

## **LAMPIRAN D**

### **PELAKSANAAN PROGRAM PENJELASAN PENDEKATAN ISLAM HADHARI (DALAM BENTUK KURSUS, BENGKEL DAN SEMINAR)**

#### **1. BENTUK**

Program penjelasan mengenai konsep-konsep Pendekatan Islam Hadhari boleh dilaksanakan dalam bentuk kursus, bengkel dan seminar.

#### **2. PENGISIAN**

- (i) Kursus : Kuliah, ceramah, latihan, tayangan dokumentari.
- (ii) Bengkel : Ceramah dan latihan dalam kumpulan (LDK)/bimbingan dalam kumpulan (BDK), pelan tindakan dan penilaian
- (iii) Seminar : Pembentangan kertaskerja dan resolusi

#### **3. TUJUAN PROGRAM**

Tujuan diadakan program-program kursus, bengkel dan seminar mengenai 10 Prinsip Pendekatan Islam Hadhari adalah bagi membina kesedaran dan mengukuhkan penghayatan peserta terhadap pentingnya merealisasikan ajaran agama bagi membina ketamadunan ummah, iaitu sebagai menuaikan tanggungjawab fardhu ain dan fardhu kifayah.

#### **4. SASARAN PROGRAM**

Program kursus, bengkel dan seminar disasarkan kepada kakitangan dan pelanggan luaran khusus bagi sesuatu agensi berkenaan;

- (i) Warga agensi
- (ii) Masyarakat awam yang menjadi pelanggan luaran Jabatan/agensi berkenaan. Contoh : Bengkel Islam Hadhari kepada para usahawan – iaitu pelanggan luaran bagi Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

## 5. PENGANJURAN KURSUS

- 5.1 Kursus-kursus Pendekatan Islam Hadhari yang berkaitan **Prinsip 1 : Keimanan dan Ketakwaan Kepada Allah SWT** dikendalikan oleh JAKIM. Walau bagaimanapun pihak Kementerian/Negeri dan agensi-agensi dibawahnya diminta menganjur sendiri program tersebut dengan kerjasama daripada JAKIM. Modul-modul kursus yang ditawarkan bagi **Prinsip 1** adalah seperti berikut;
- (i) Kursus Tasawwur Islam (3 hari)
  - (ii) Kursus Bina Taqwa (3 hari)
  - (iii) Kursus Bina Insan (3 hari)
- 5.2 Agensi-agensi diminta menganjurkan kursus-kursus yang berkaitan dengan **Prinsip Ke-2** hingga **Prinsip Ke-10**. Tajuk-tajuk kursus dan modul disediakan oleh JAKIM.
- 5.3 Setiap agensi diminta menganjurkan kursus-kursus kepada sasaran masing-masing sekurang-kurangnya satu kali dalam setahun. Manakala bagi program berbentuk bengkel dan seminar boleh dilaksanakan mengikut kemampuan pihak agensi.


## 6. MODUL DAN KURIKULUM KURSUS

Semua agensi yang melaksanakan kursus-kursus berkaitan 10 Prinsip Pendekatan Islam Hadhari hendaklah menggunakan modul dan kurikulum yang disediakan oleh JAKIM. Bagi program bengkel dan seminar, pengisiannya boleh dirancang sendiri oleh penganjur masing-masing, berdasarkan isu dan keperluan bagi kumpulan sasar. Walau bagaimanapun JAKIM sedia memberi khidmat nasihat bila diperlukan.

## **7. TANGGUNGJAWAB KETUA AGENSI**

Ketua-ketua agensi hendaklah menggalakkan semua pegawai dan kakitangan mengikuti kursus-kursus berkaitan Pendekatan Islam Hadhari.

## **8. PELAN TINDAKAN PELAKSANAAN KURSUS/ BENGKEL/ SEMINAR PENDEKATAN ISLAM HADHARI**



**LAMPIRAN E1****[ CONTOH 1 ]**

**FORMAT LAPORAN MAKLUMBALAS  
PELAKSANAAN PENDEKATAN ISLAM HADHARI**

(Berdasarkan Perancangan Strategik 5 Tahun Pendekatan Islam Hadhari  
Peringkat Kementerian//Negeri)

**Nama Agensi:** Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani      **Tahun :** Jun 2007

<b>PRINSIP ISLAM HADHARI</b>	<b>STRATEGI</b>	<b>NAMA PROGRAM DAN AKTIVITI</b>	<b>PENCAPAIAN (Nama Program/Tindakan yang telah dilaksanakan, bilangan peserta dan lain-lain maklumat berkaitan)</b>	<b>Catatan/Masalah (jika ada)</b>
<b>Prinsip : 9 PEMULIHARAAN ALAM SEMULAJADI</b>	Pengharaman racun <i>Paraquat</i> secara berperingkat dalam sektor perladangan dan pertanian bagi mengelak risiko pencemaran	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kempen penggunaan racun yang rendah risiko.</li> <li>• Bengkel kaedah penggunaan baja baru organik secara meluas</li> </ul>	<p>Sebanyak 10 kempen telah diadakan meliputi 50 buah kampung.</p> <p>Sebanyak 20 bengkel telah diadakan di seluruh Negara, melibatkan 1,000 orang petani dan pengurus ladang. Hasil maklumbalas peserta menampakkan ada peningkatan dari segi kesedaran untuk beralih kepada baja organik.</p>	<p>Sasaran -100 kampung. 50 buah kampung lagi akan dilaksanakan pada setengah tahun kedua.</p> <p>Sasaran 1,000 orang. Telah berjaya dilaksanakan 100 %.</p>

**LAMPIRAN E2****[ CONTOH 2 ]**

**FORMAT LAPORAN MAKLUMBALAS  
PELAKSANAAN PENDEKATAN ISLAM HADHARI**

(Berdasarkan Perancangan Strategik 5 Tahun Pendekatan Islam Hadhari  
peringkat Jabatan/Agenzi-agensi di bawah Kementerian//Negeri)

**Nama Agensi:** Polis Di Raja Malaysia (PDRM)**Tahun :** Jun 2007

<b>PRINSIP ISLAM HADHARI</b>	<b>STRATEGI</b>	<b>NAMA PROGRAM DAN AKTIVITI</b>	<b>PENCAPAIAN (Nama Program/Tindakan yang telah dilaksanakan, bilangan peserta dan lain-lain maklumat berkaitan)</b>	<b>Catatan/Masalah (jika ada)</b>
<b>Prinsip : 6 KEHIDUPAN BERKUALITI</b>	Meningkatkan keperluan dan kemudahan asas yang berkualiti kepada warga PDRM dan pelanggannya	Menyediakan persekitaran yang ceria dan sihat di kawasan persekitaran balai polis dan perumahan kakitangan melalui aktiviti penamaman pokok bunga dan lanskap.  Menyediakan makanan yang berkualiti kepada tahanan-tahanan di lokap	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kempen mengenainya telah dilaksanakan semua negeri dengan kerjasama Jabatan Lanskap Negara dan Pihak PBT</li> <li>• Pemantauan yang sewajarnya telah dibuat oleh setiap semua Ketua Balai Polis.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mendapat sambutan yang sangat menggalakkan.</li> <li>• Tiada masalah</li> </ul>



**JABATAN PERDANA MENTERI MALAYSIA,  
KOMPLEKS JABATAN PERDANA MENTERI,  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN  
PERSEKUTUAN,  
62505 PUTRAJAYA**

Tel : 603-88881957

Fax : 603-8883721

---

Rujukan Kami : .....

Tarikh : .....

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan  
Semua Y.B.Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

---

**PEKELILING AM BILANGAN ..... TAHUN 2007**

---

**GARIS PANDUAN  
PELAKSANAAN PENDEKATAN ISLAM HADHARI  
DI AGENSI-AGENSI KERAJAAN**

**TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memberi penerangan mengenai strategi, pendekatan dan langkah-langkah bagi melaksanakan Pendekatan Islam Hadhari. Garis Panduan Pelaksanaan Pendekatan Islam Hadhari Di Agensi-Agenzi Kerajaan adalah seperti di Lampiran kepada pekeliling ini.

**LATARBELAKANG**

2. Kerajaan Malaysia telah memperkenalkan Islam Hadhari sebagai satu pendekatan untuk membangun ummah dan negara berdasarkan kepada perspektif ketamadunan Islam. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 31 Mac 2004 meminta supaya agensi Kerajaan mempromosikan Pendekatan Islam Hadhari yang progresif melalui pembaharuan dan penambahbaikan tertentu. Jemaah Menteri juga memutuskan supaya Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menjadi penyelaras kepada pelaksanaannya.

3. Pendekatan Islam Hadhari ialah kesinambungan kepada Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam (DPNI) yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan pada tahun 1985. Pendekatan Islam Hadhari memberi penekanan kepada aspek pembangunan yang menjurus kepada pembinaan peradaban yang memberi fokus kepada usaha mempertingkatkan mutu kehidupan melalui penguasaan ilmu, pembangunan insan dan

pembangunan fizikal. Pendekatan Islam Hadhari diperkenalkan dengan harapan untuk membangunkan ummah dan negara berdasarkan pendekatan ketamadunan Islam yang telah terbukti dapat memberi rahmat dan kebahagiaan kepada seluruh masyarakat, tanpa mengira kaum, bangsa dan agama.

4. 10 Prinsip Pendekatan Islam Hadhari iaitu;

- (i) Keimanan dan ketaqwaan kepada Allah SWT
- (ii) Kerajaan adil dan beramanah
- (iii) Rakyat berjiwa merdeka
- (iv) Penguasaan ilmu pengetahuan
- (v) Pembangunan ekonomi yang seimbang dan komprehensif
- (vi) Kehidupan berkualiti
- (vii) Pembelaan hak kumpulan minoriti dan wanita
- (viii) Pemuliharaan alam semulajadi
- (ix) Keutuhan budaya dan moral
- (x) Kekuatan pertahanan

Justeru, Pendekatan Islam Hadhari yang dibangunkan melalui 10 prinsip tersebut perlu direalisasikan dalam bentuk program dan aktiviti secara menyeluruh dan bersepada oleh setiap agensi Kerajaan sebagaimana surat pekeliling mengenai Pelaksanaan Islam Hadhari Dalam Perkhidmatan Awam, Ruj: JAKIM(4.00)/902/5 bertarikh 4 April 2005.

5. Bagi menjayakan Pendekatan Islam Hadhari yang juga menjadi falsafah kepada pembinaan Misi Nasional Negara, ketua-ketua agensi diminta melaksanakannya berdasarkan garis panduan yang disediakan.

### **URUSETIA INDUK PELAKSANAAN PENDEKATAN ISLAM HADHARI**

6. Urusetia Induk Pelaksanaan Pendekatan Islam Hadhari ialah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang bertanggungjawab untuk menyelaras, merancang dan memantau pelaksanaan Pendekatan Islam Hadhari di peringkat Persekutuan dan Negeri melalui struktur pelaksanaan yang telah ditetapkan.

### **TANGGUNGJAWAB AGENSI**

7. Semua agensi Kerajaan dikehendaki mengambil perhatian kepada Garis Panduan Pelaksanaan Pendekatan Islam Hadhari di Agensi-Agenzi Kerajaan. Tindakan-tindakan yang perlu dilakukan diperincikan dalam Garis Panduan tersebut.

### **TARIKH KUATKUASA**

8. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

## **PEMAKAIAN**

9. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

**TAN SRI MOHD. SIDEK BIN HAJI HASSAN**

Ketua Setiausaha Negara